

Newspaper	Berita Harian
Date	5/7/2013

Battersea lonjak nama Malaysia

BH - 5/7/2013

» Pelaburan tunggal terbesar sektor hartanah: Najib



ABDUL HALIM YUSOFF
halem@mediaprima.com.my
London

Pembangunan semula Stesen Janakuasa Battersea oleh syarikat Malaysia yang dilancarkan secara rasmi, semalam, menyaksikan pelaburan tunggal terbesar sektor hartanah dari segi nilai bagi mana-mana negara di Eropah.

Projek itu juga melonjak nama Malaysia dan syarikat konglomerat negara untuk menempa nama di United Kingdom sebagai pelabur terbesar dalam projek di pinggir Kota London.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dan rakan sejawatnya dari United Kingdom, David Cameron merasmikan majlis pecah tanah pembinaan Circus West, fasa pertama dalam projek pembangunan semula Stesen Janakuasa Battersea.

Pembangunan hartanah bercampur bernilai £8 bilion (RM38 bilion) di tapak projek

itu yang sudah terbiar 30 tahun dilaksanakan konsortium syarikat Malaysia diterajui Sime Darby Bhd, S P Setia Bhd dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Hadir sama Datuk Bandar London, Boris Johnson; Pengerusi Sime Darby, Datuk Abdul Ghani Othman dan Ketua Eksekutifnya, Tan Sri Mohd Bakke Salleh; Presiden SP Setia, Tan Sri Liew Kee Sin; Ketua Pegawai Eksekutif merangkap Ketua Pelaburan KWSP, Datuk Shahrizal Ridzuan dan Ketua Eksekutif Battersea Power Station Development Company, Rob Tincknell.

Peluang tanpa batasan

Berucap pada majlis bersejarah itu, Perdana Menteri berkata, dalam tempoh kurang satu generasi selepas merdeka, Malaysia kini membentangkan peluang tanpa batasan.

Katanya, 60 tahun lalu, tidak ramai yang menjangka wang dari Malaysia akan digunakan untuk hidupan semula Battersea.

"Dalam tempoh satu generasi saja, kami (Malaysia) sudah berubah daripada sebuah tanah jajahan kepada kumpulan pelabur utama (di United Kingdom)," katanya.

Perdana Menteri mengu-



Najib dan Cameron berjabat selepas merasmikan majlis pecah tanah projek pembangunan semula Stesen Janakuasa Battersea, di London, semalam.

capkan terima kasih kepada Kerajaan United Kingdom atas komitmennya terhadap masa depan Battersea.

"Paling penting, saya berterima kasih kepada Cameron atas komitmennya terhadap Malaysia. Beliau melakukan sebaik mungkin untuk mengukuhkan hubungan kedua-dua negara.

"Lawatan beliau ke Malaysia tahun lalu menamatkan satu tempoh hubungan yang terabai sebelum ini," katanya merujuk tempoh lebih 20 tahun hubungan kedua-dua negara yang agak dingin sebelum ini.

Kebangkitan Asia, Selatan
Najib berkata, banyak yang diperkatakan mengenai perubahan dalam ekonomi dunia,

mengenai kebangkitan Asia dan Selatan.

Akan tetapi, ia selalunya diungkapkan mengenai konflik dan ketegangan, ketepuan dalam ekonomi lama dan dinamisme dunia baru.

"(Daripada bertindak) sebagai pesaing, saya percaya Timur dan Barat sangat kuat apabila mereka bekerjasama untuk kemakmuran bersama; apabila kita sepakat membuka ekonomi dan masyarakat serta menerima yang terbaik ditawarkan dunia," katanya menambah projek itu menzahirkan apa yang boleh dilaksanakan menerusi kerjasama sedemikian.

Perdana Menteri turut mengucapkan tahniah kepada konsortium Malaysia yang membangunkan semula Battersea.

"Saya percaya model kejayaan anda di sini akan diulang lagi, bukan hanya di London tetapi juga seluruh dunia," katanya.

FAKTA NOMBOR

RM38b

Nilai pembangunan hartanah bercampur di tapak projek Battersea